

Parlimen: Risda Dan Felcra Bangunkan Lebih 280,000 Hektar Tanaman Getah Dan Sawit
Bernama
25 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) dan Felcra Berhad sehingga kini telah membangunkan tanah seluas 282,966.54 hektar di seluruh semenanjung, persidangan Dewan Rakyat diberitahu isnin.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hasan Malek berkata daripada jumlah itu 160,115.32 hektar melibatkan tanaman sawit manakala selebihnya getah.

Beliau berkata daripada jumlah itu juga, seluas 25,710.39 hektar dibangunkan bagi masyarakat Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) iaitu 17,894.39 hektar dibangunkan Risda manakala selebihnya oleh Felcra.

"Sehingga kini sebanyak lima projek tanaman sawit secara komersial seluas 313.17 hektar telah dibangunkan melalui JKOA di Perak tengah," katanya menjawab soalan asal Mohd Nizar Zakaria (BN-Parit) yang ingin tahu mengenai bantuan ekonomi yang diberikan kepada Orang Asli dan projek pembangunan melibatkan tanaman getah dan sawit di Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675562>